

Headline	50 tahun tempoh tanah kembali subur		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fahmy Azril Rosli	AdValue	RM 4,085
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,254



## ISU BEKAS TAPAK PERLOMBONGAN BAUKSIT DI FELDA BUKIT GOH

# 50 tahun tempoh tanah kembali subur

» *Proses pemulihan semula tanah babit kos tinggi*

Oleh **Fahmy Azril Rosli**  
fahmy.azril@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**S**ekurang-kurangnya 50 tahun diperlukan untuk bekas tapak perlombongan bauksit di FELDA Bukit Goh, di Kuantan, Pahang, kembali subur.

Ia berikutan perlombongan itu yang meninggalkan logam berat kromium trivalen, yang bertindak sebagai racun terhadap kelapa sawit, sekali gus mengganggu tumbesarnya.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk menjalankan kajian menyeluruh bagi memulihkan kembali struktur tanah dan mineral di sekitar kawasan itu.

Katanya, proses itu boleh dilaksanakan tetapi ia membatik kos yang tinggi.

### Tanam pokok kekacang

"Kaedah 'cover crop' menggunakan tumbuhan liput bumi seperti pokok kekacang bagi merangsang nutrien yang terkandung dalam tanah lom-

bong itu.

"Proses ini berupaya memulihkan kembali sumber nutrien yang terkandung dalam tanah, sekali gus mengembalikan kesuburan tanah di kawasan berkenaan untuk ditanam dengan tumbuhan lain," katanya pada sidang media di sini, semalam, yang turut dihadiri timbalannya, Datuk Hamim Samuri.

Wan Junaidi berkata, cara itu terbukti berkesan kerana tanah lombong yang kini terletaknya bangunan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, Selangor**, subur dengan flora dan fauna.

Katanya, tarah itu suatu ketika dahulu adalah sebuah kawasan perlombongan sama seperti keadaan di FELDA Bukit Goh sekarang.

"Langkah pemulihan menerusi kaedah 'cover crop' turut diguna pakai di kawasan berisiko tanah runtuh seperti di lereng bukit di Cameron Highlands, Pahang," katanya.

### Projek perumahan

Beliau pernah berbincang dengan Lembaga Kemajuan Tan-

nah Persekutuan (FELDA) untuk membangunkan projek perumahan di atas tanah lombong bauksit itu.

Bagaimanapun, katanya, FELDA harus mengemukakan permohonan bagi memperoleh kelulusan menjalankan projek berkenaan.

"Banyak prosedur yang mesti dilalui, antara lain mendapatkan kelulusan kementerian, kerajaan negeri dan agensi berkaitan, menukar status pemilikan tanah yang mana proses itu akan berlarutan antara enam bulan hingga setahun untuk diselesaikan," katanya.

Kelmarin, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Maketab Mohamed, berkata tanaman kelapa sawit berkemungkinan besar tidak lagi boleh tumbuh subur di kawasan FELDA Bukit Goh dan sekitarnya, kesan perlombongan bauksit di situ.

Katanya, ini berikutan perlombongan itu menghasilkan logam berat kromium trivalen, yang disifatkan sebagai racun terhadap kelapa sawit oleh pakar kimia, selain memberi kesan pada kesihatan manusia.